

KERATAN AKHBAR

NAMA AKHBAR: BERITA HARIAN

TARIKH: 14 OGOS 2019

MUKA SURAT: 4



Pasukan penyelamat membawa mayat Nora Anne dengan helikopter ke HTJ, di Seremban, semalam.

[Foto Reuters]

Remaja Ireland hilang ditemui meninggal

Mangsa ditemui di kawasan berlurah kira-kira 2.5km dari resort penginapan

Oleh Azzman Abdul Jamal dan Mohd Amin Jalil
bhnews@bh.com.my

Seremban: Genap 10 hari pencarian, Nora Anne Quoirin, remaja Ireland berusia 15 tahun yang hilang dari resort penginapannya di Pantai, di sini pada 4 Ogos lalu, ditemui mati tengah hari semalam.

Mayat remaja itu ditemui jam 1.57 tengah hari di kawasan berlurah dekat sebuah anak sungai, sekitar 2.5 kilometer dari resort penginapan keluarga remaja ber-

kenaan dalam keadaan tidak berpakaian tetapi sempurna.

Ketua Polis Negeri Sembilan, Datuk Mohamad Mat Yusop, berkata ibu bapa remaja berkenaan membuat pengesahan itu selepas proses pengecaman mayat di Hospital Tunku Jaafar (HTJ) lewat petang semalam.

Beliau berkata, operasi mencari dan menyelamat (SAR) di lokasi mangsa dilaporkan hilang masih diteruskan sehingga keputusan bedah siasat diperoleh.

"Operasi SAR tidak berhenti lagi untuk kita jalankan siasatan lanjut. Kita tunggu keputusan bedah siasat (sahkan mayat Nora)," katanya pada sidang media malam tadi.

Terdahulu, dalam satu sidang media di Balai Polis Pantai, di sini, Timbalan Ketua Polis Negara, Datuk Mazlan Mansor, berkata mayat Nora Anne ditemui sepasukan pendaki sukarelawan yang menyertai operasi SAR berhampiran kawasan anak sungai, dalam lingkungan ra-

dius pencarian.

Bagaimanapun, katanya, masih terlalu awal untuk menentukan sama ada kes itu mempunyai unsur jenayah sehingga proses bedah siasat selesai yang dijangka dilakukan hari ini di Hospital Tunku Jaafar (HTJ), Seremban.

Bedah siasat akan dilakukan oleh Pakar Patologi Kanan dari Hospital Kuala Lumpur (HKL) pada jam 10 pagi ini.

Turut berada di Unit Forensik HTJ ialah Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Hannah Yeoh serta Pengerusi Jawatankuasa Bertindak Hal Ehwal Wanita, Keluarga dan Kebajikan Negeri, Nicole Tan.

Pada masa ini, Mazlan berkata siasatan masih mengikut kes orang hilang.

Mayat dibawa keluar daripada lokasi menggunakan helikopter dan terus diterbangkan ke HTJ.

"Kita mempunyai sebab yang kukuh untuk percaya mayat itu adalah



Mohamad bersama anggota polis di lokasi pencarian.

dia (Nora Anne). Buat masa ini kita tidak dapat pastikan tarikh kematian dan kena tunggu hasil bedah siasat untuk maklumat lanjut.

"Mayat itu tidak berpakaian. Kita jumpa berhampiran anak sungai

di kawasan berlurah dianggarkan sejauh 2.5 kilometer (km) dari resort penginapan (Nora Anne keluarga).

"Kawasan itu juga termasuk dalam lingkungan radius ope-